

22/10/2001

300 klinik kesihatan dibina di seluruh negara

MUAR, Ahad - Kira-kira 300 klinik kesihatan akan dibina di seluruh negara menerusi peruntukan yang diperoleh Kementerian Kesihatan dalam Belanjawan 2002.

Selain itu, 26 hospital baru juga kini dalam pembinaan dan dijangka berupaya disiapkan dalam tempoh ditetapkan hasil peruntukan RM6.8 bilion kepada kementerian itu sepanjang 2002.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata sebahagian klinik kesihatan itu akan dilengkapi tele-perubatan bagi memudahkan perhubungannya dengan hospital pakar dalam operasi perubatan terhadap pesakit.

Beliau berkata, Belanjawan 2002 bersifat mesra kepada sektor kesihatan rakyat negara ini kerana diberi peruntukan tertinggi dalam sejarah negara dengan mencatatkan peningkatan 17 peratus berbanding tahun lalu.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga seorang doktor menunjukkan keprihatinan beliau terhadap kesihatan rakyat Malaysia dengan meneruskan peruntukan besar bagi infrastruktur kesihatan.

"Lebih peruntukan ini akan membolehkan kita meneruskan projek pembinaan 26 hospital baru di seluruh negara serta 300 klinik kesihatan yang sebahagiannya akan dilengkapi tele-perubatan.

"Kemudahan ini akan membolehkan petugas di klinik terbabit berhubung dengan pakar di hospital di bandar bagi mendapatkan bantuan dalam menyediakan khidmat kepada pesakit di luar bandar," katanya.

Chua memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Pusat Komputer dan Pelancaran Program Sekolah Bestari di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chi Sin dekat Parit Bakar di sini, pagi ini.

Beliau berkata, klinik kesihatan yang dibina di kawasan luar bandar akan mempunyai ruang lebih luas serta kakitangan akan ditambah sejajar keperluan penduduk.

Katanya, peruntukan besar menerusi Belanjawan 2002 dibuat kerana kerajaan mahu membangunkan kemudahan kesihatan terbaik kepada rakyat di seluruh negara ini.

Beliau berkata, kenaikan elaun siap sedia antara 25 hingga 40 peratus kepada semua doktor serta kenaikan gaji sebanyak 10 peratus adalah dorongan yang baik supaya lebih dedikasi dalam perkhidmatan masing-masing.

Belanjawan 2002 juga memberi sumbangan besar kepada Kementerian Kesihatan alam kempen antirokok dan menghalang generasi muda daripada menjadi perokok.

(END)